

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua  
Sidang Akademik 2003/2004

Februari/Mac 2004

**HKN 101 – Puitika dan Konvensi Dalam Kesusasteraan  
Nusantara**

Masa : 3 jam

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **DUA** muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab **EMPAT** soalan : **DUA** dari Bahagian A dan **DUA** dari Bahagian B.

Bahagian A

1. Tafsiran dan penilaian terhadap nilai sesebuah karya tradisional harus bersandar kepada konteks zaman karya tersebut dilahirkan. Bincangkan hujah-hujah kritis yang menyokong dan menyanggah pandangan ini.
2. Penulisan karya sastera bercorak sejarah disusun oleh pengarang dalam kerangka pengajaran moral. Dengan merujuk kepada dua peristiwa yang bersesuaian, bincangkan matlamat dan keberkesanan pengarang dalam menyampaikan pengajaran moralnya.

3.

Umumnya segala pentafsiran tentang kesusasteraan menerima tanggapan tentang ciri kehalusan, iaitu hasil sastera lahir daripada kehalusan perasaan penulis (pengarang), maka dengan itu terserah daripadanya emosi, citara dan gambaran kehidupan yang halus sifatnya, dan segala ini terbentuk dalam ciri bahasa yang indah.

Ali Haji Ahmad

Dengan mengambil contoh daripada beberapa buah pantun dan peribahasa Melayu tradisional, bincangkan pandangan di atas.

4.

Puitika sastera memberi penekanan terhadap unsur-unsur keindahan luaran dan dalaman yang menjadi dasar penghasilan sesebuah karya. Dengan merujuk kepada pandangan Braginsky terhadap karya-karya kerohanian Melayu, bincangkan pernyataan ini.

#### Bahagian B

5.

Puitika boleh ditafsirkan sebagai "cara-cara untuk mencipta struktur karya". Merujuk kepada tafsiran tersebut, bincangkan dengan contoh-contoh beberapa teknik deskripsi yang digunakan oleh pengarang untuk membangunkan karyanya.

6.

Terdapat beberapa struktur komposisi teks dalam genre-genre sastera Melayu. Berdasarkan beberapa contoh yang sesuai, bincangkan ciri-ciri struktur komposisi ornamental, struktur komposisi berbingkai dan struktur *euphonic*.

7.

Konvensi penciptaan sastera Melayu diikat oleh kaedah penciptaan yang ketat. Dengan merujuk kepada peranan tradisi dalam penglahiran dan pencirian sastera Melayu tradisional, bincangkan pernyataan ini.

8.

Puitika sastera amat dipengaruhi oleh kaedah penyampaiannya. Dengan merujuk kepada budaya lisan perlihatkan dengan contoh-contoh, bagaimana kelisanan mempengaruhi struktur dan bentuk sastera Melayu.